

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PEMBANTU PENYELIDIK SOSIAL

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pembantu Penyelidik Sosial Gred N19, N22, N26, N28.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)/ Agensi Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. (Tiada maklumat daripada jabatan lain).

3. RINGKASAN TUGAS

Menjalankan tugas-tugas untuk memastikan MIROS menepati fungsi dan tanggungjawab selaras dengan Rang Undang-undang MIROS. Bertanggungjawab membantu melaksanakan aktiviti penyelidikan, tugas operasi berkaitan pemasaran sosial seperti pengiklanan bagi tujuan pendidikan dan keselamatan jalan raya, penerbitan dan penyebaran ilmu, khidmat profesional dan masyarakat.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.2 Pembantu Penyelidik Sosial Gred N19, N22, N26, N28.

- a. Membantu memastikan pelaksanaan projek dan operasi berjalan dengan lancar.
- b. Membantu menjalankan kerja-kerja soal-selidik.
- c. Mengumpul, merekod dan menganalisa data untuk kajian.
- d. Menyelidik, menyemak data-data yang telah dikumpul dan membantu dalam penyediaan dan penerbitan laporan dan menghayati dan melaksanakan dasar, peraturan dan arahan pentadbiran berkaitan dengan bidang tugasnya.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Pengurusan Tertinggi.
- b. Pegawai di MIROS.

Luaran

- a. Jemaah kabinet mengenai keselamatan jalan raya.
- b. Kementerian Pengangkutan Malaysia.
- c. Kementerian/Jabatan di peringkat persekutuan dan negeri dalam bidang berkaitan keselamatan jalan raya (contoh: Perbadanan Putrajaya, JPJ, PDRM, PUSPAKOM, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi dan LKPK).
- d. Pertubuhan/Persatuan dalam dan luar negara (contoh: Global Road Safety Partnership (GRSP), Global Transport Knowledge (GTKP), Transport Research Laboratory (TRL), UK, John Hopkins University, US Road Traffic Injuries Research Network (RTIRN), International Road Assessment Program (IRAP), Monash University Accident Research (MUARCH), Australia, Center for Automotive Safety Research, Adelaide, World Road Association (PIARSC), Perancis, PIARSC Technical Committee, Perancis, Institute of Highway Transportation, SWOV Institute of Road Safety, Holand, Swedish national Road and Transport Research Institute (VTI), Sweden dan sebagainya).
- e. Semua *stakeholder* dan rakan kongsi dalam agenda keselamatan jalan raya.

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat.
- b. Dalam dan luar negara.

7. KEMAMPUAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

- a. Berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- b. Kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- c. Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan bertulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- d. Berkebolehan menguruskan sumber di bawah kawalan.
- e. Mempunyai kemahiran *interpersonal*.

- f. Berkebolehan menguruskan konflik dan menyelesaikan masalah.
- g. berkebolehan membuat penyampaian dengan berkesan kepada individu dan kumpulan.
- h. Berkebolehan berfikir secara strategik.
- i. Berkebolehan menjalankan penyelidikan, menulis laporan, penulisan teknikal dan menyediakan kertas kerja.
- j. Berkebolehan membuat keputusan dengan berkesan.
- k. Pemindahan teknologi untuk pengoperasian dan pengkomersialan.
- l. Berkebolehan dalam aplikasi teknologi.
- m. Berkebolehan mentafsir dan menganalisa.
- n. Berkemahiran dalam bidang komputer.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Berupaya untuk menghayati dan mengamalkan nilai-nilai positif dan menunjukkan integriti yang tinggi.
- b. Mempunyai daya keterampilan diri yang tinggi.
- c. Mempunyai minat yang mendalam dalam bidang penyelidikan.
- d. Profesionalisme.
- e. Kualiti.
- f. Kompetensi dan ketelitian.
- g. Bertanggungjawab.
- h. Kerahsiaan.
- i. Disiplin diri.

9. ANCAMAN/BAHAYA

- a. Tekanan.
- b. Risiko terdedah kepada bahaya kemalangan ketika menjalankan kajian lapangan.

- c. Percanggahan kepentingan.
- d. Boleh diambil tindakan undang-undang.
- e. Penglibatan dengan aktiviti luar pejabat.

Sumber : Kementerian Pengangkutan Malaysia. Surat Rujukan: KP/PO/0.309 Jld.21 (24) bertarikh 30 April 2009.